

PEMEROLEHAN MORFOLOGI DAN SINTAKSIS DALAM KALANGAN KANAK-KANAK MELAYU PADA PERINGKAT MENJELANG TATABAHASA DEWASA

Mhd. Amin Arshad dan Vijayaletchumy Subramaniam

Abstrak

Berdasarkan Teori Mentalis sebagai konsep, kajian ini akan cuba meneliti perkembangan penghasilan cakapan dalam kalangan kanak-kanak Melayu pada Peringkat Menjelang Tatabahasa Dewasa. Teori Genetik-Kognitif dijadikan kerangka teori ini. Teori ini diperkenalkan oleh Chomsky (1959) yang telah secara radikal mengubah perkembangan psikolinguistik. Lantaran, wujudlah satu teori pemerolehan dan pembelajaran bahasa yang disimpulkan daripada teori linguistiknya (Teori Transformasi Generatif). Kajian ini dijalankan terhadap kanak-kanak di sekitar kawasan Sri Serdang. Rasional untuk memilih tempat ini adalah kerana kanak-kanak di kawasan ini berasal daripada keluarga yang bertutur dalam bahasa Melayu, dan kurang dipengaruhi oleh dialek bahasa Melayu kedaerahan dan kenegerian. Melalui kaedah pemerhatian, penyelidik membuat pemerhatian pemerolehan bahasa secara spontan, iaitu ketika kanak-kanak tersebut berinteraksi dengan orang dewasa. Di samping itu, penyelidik juga berbual-bual dan berosal jawab dengan kanak-kanak tersebut. Bagi merangsang kanak-kanak berinteraksi dengan penyelidik dan kawan-kawannya, bahan-bahan konkret seperti gambar dan benda-benda di persekitaran kehidupan kanak-kanak digunakan. Hasil kajian menunjukkan bahawa aktiviti-aktiviti secara kolaboratif atau bekerjasama dalam interaksi bahasa antara kanak-kanak dengan penjaga dapat menyediakan konteks yang paling sesuai untuk pembelajaran bahasa. Melalui aktiviti tersebut, seseorang kanak-kanak dapat menghayati unsur bahasa dan rumus tatabahasa yang terdapat dalam bahasa ibundanya. Selain itu, kanak-kanak juga dapat menguasai unsur-unsur bahasa dalam masyarakat dan budaya bahasa tersebut. Tegasnya, kanak-kanak juga dapat mempelajari cara untuk memilih tutur kata serta pertuturan yang sesuai

dengan khalayak, tajuk, dan konteks perbualannya.

Abstract

Based on Mentalist Theory as concept, this research will try to seek the development of producing speech among Malay Children at the level of adult grammar. Genetic Cognitive Theory was used as the measuring tool for this theory. This theory was introduced by Chomsky (1959) and it brought a radical change in the development of psycholinguistic. As a result, the Transformation Generative Theory came into existence. This research was carried out among children in the visiting of Sri Serdang. The rational to choose this location is mainly to the fact that these children come from families who speak Malay language which is not influenced by dialects and states of origin. Through the observation method, the researcher will observe the language acquisition spontaneously i.e. when the child interact with an adult. Simultaneously, the researcher will chit-chat and conduct a question-answering session with the child. To encourage the child to interact with the researcher and his or her friends, concrete objects such as pictures and existing objects in the child's environment are used. The outcome shows that collaborative activities in the interaction of language between the child and parent yield the best context to learn a language. Through this activity, the child further masters the language elements and grammar formulae which exist in his or her mother tongue. Besides that, the child also masters the language elements found in the society and customs. In short, the child also learns the way to select the proper words and proper speech applicable to the topic and the context of his or her conversation.

PENDAHULUAN

Apabila kanak-kanak berumur antara tiga hingga empat tahun, mereka mula memasuki peringkat Menjelang Tatabahasa Dewasa (MTD). Menurut Mangantar Simanjuntak (1987:186), ayat-ayat yang diterbitkan oleh kanak-kanak pada peringkat ini sudah dikira rumit dan kanak-kanak ini telah dapat digolongkan sebagai “bijak bercakap”. Dalam pemerolehan bahasa Inggeris (Limber, 1973), ayat-ayat yang berikut telah pun diterbitkan pada peringkat ini:

*I see you sit down.
I show you the ball that I got.*

Persoalan cara manusia memperoleh bahasa dan berinteraksi serta menggunakan masih tidak dapat dibuktikan lagi. Terdapat dua teori yang mengupas persoalan ini. Teori yang pertama ialah Hipotesis Nurani dalam linguistik yang mengatakan bahawa bahasa diperoleh oleh manusia secara ilmiah atau dinuranikan. Manakala yang kedua pula, iaitu menurut Hipotesis Tabula Rasa Behaviourisme (Mangantar Simanjuntak, 1987) yang mengatakan bahasa diperoleh manusia melalui pembelajaran atau dipelajari.

Kanak-kanak pada peringkat ini sudah gemar bercakap dan berinteraksi dengan orang yang terdekat dengan mereka seperti ibu bapa dan ahli-ahli keluarga. Malahan mereka sudah dapat memahami perbualan-perbualan yang berlatarkan situasi dan pengalaman hidup mereka. Dalam aspek fonologi, kanak-kanak sudah mula dapat menyebut perkataan-perkataan yang menyamai sebutan orang dewasa berdasarkan pemerhatian dan peniruan yang dialami mereka sepanjang tempoh bersama keluarga di samping latihan-latihan sebutan yang kerap dilakukan melalui bimbingan orang dewasa.

Seseorang tidak mempelajari bahasa secara formal tetapi memperoleh bahasa daripada bahasa yang diucapkan oleh ahli-ahli masyarakat di persekitarannya. Pengkaji Brooks (dalam Mangantar Simanjuntak, 1987) menyatakan bahawa kelahiran atau pemerolehan bahasa bagi setiap bayi bermula pada waktu bayi berumur lebih kurang lapan belas bulan, iaitu secara sederhana. Bagi mencapai bentuk pencapaian yang hampir sempurna adalah ketika mereka berumur lebih kurang empat tahun. Pemerolehan bahasa biasanya dilihat pada pemerolehan bahasa pertama kanak-kanak sahaja. Pada masa yang sama, terdapat proses peniruan dan pemerhatian daripada kanak-kanak dalam proses pembelajaran dan penguasaan bahasa. Perkara ini sangat membantu kanak-kanak memperoleh, mengembangkan, dan menguasai bahasa dengan baik.

Penggunaan dan penguasaan bahasa kanak-kanak pada peringkat MTD banyak dipengaruhi oleh persekitarannya, sama ada dalaman ataupun luaran. Segala yang diujarkan diperoleh daripada proses peniruan dan pemerhatian kepada apa yang diujarkan atau dilakukan oleh orang lain. Selain itu, penguasaan bahasa kanak-kanak juga bergantung pada rangsangan dan tindak balas daripada orang lain dan situasi tertentu dalam persekitarannya.

Kajian ini antara lainnya mencuba mengenal pasti pemerolehan morfologi dalam kalangan kanak-kanak Melayu pada Peringkat Menjelang Tatabahasa Dewasa, di samping mengenal pasti pemerolehan sintaksis dalam kalangan kanak-kanak Melayu pada Peringkat Menjelang Tatabahasa Dewasa.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Berdasarkan Teori Mentalis sebagai konsep, kajian ini akan cuba meneliti perkembangan penghasilan cakapan dalam kalangan kanak-kanak Melayu pada peringkat MTD. Teori Genetik-Kognitif yang telah digolongkan dalam kategori teori kognitif dijadikan kerangka teori ini. Teori ini diperkenalkan oleh Chomsky (1959) yang telah mengubah secara radikal perkembangan psikolinguistik. Lantaran, wujudlah satu teori pemerolehan dan pembelajaran bahasa yang disimpulkan daripada teori linguistiknya (Teori Transformasi Generatif). Teori ini memberikan penekanan yang mutlak pada otak (akal, mental) yang melandasi proses pemerolehan dan pembelajaran bahasa.

Kajian ini telah dijalankan terhadap kanak-kanak di sekitar kawasan Sri Serdang. Rasional untuk memilih tempat ini adalah kerana kanak-kanak di kawasan ini berasal daripada keluarga yang bertutur dalam bahasa Melayu, dan kurang dipengaruhi oleh dialek bahasa Melayu kedaerahan dan kenegerian. Pemilihan kanak-kanak ini adalah berdasarkan kehomogenan kaum, iaitu semuanya berbangsa Melayu yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda, sama ada di rumah atau di tabika.

Melalui kaedah pemerhatian, penyelidik akan membuat pemerhatian pemerolehan bahasa secara spontan, iaitu ketika kanak-kanak tersebut berinteraksi dengan orang dewasa. Di samping itu, penyelidik akan berbual-bual dan bersoal jawab dengan kanak-kanak tersebut. Bagi merangsang kanak-kanak berinteraksi dengan penyelidik dan kawan-kawannya, bahan-bahan konkret seperti gambar dan objek-objek di persekitaran kehidupan kanak-kanak akan digunakan.

Penyelidikan lapangan meliputi kaedah tinjauan luar, kaedah kepustakaan dengan merujuk buku, jurnal, majalah, dan bahan-bahan bacaan lain yang berkaitan. Bahan-bahan ini dipetik dan diolah untuk dijadikan panduan dan rujukan agar bersesuaian dengan tajuk. Kaedah-kaedah seperti alat perakam, kad bergambar, dan pengalaman sendiri digunakan. Segala maklumat dicatat, dirakam dengan alat perakam atau melalui pemerhatian langsung. Maklumat atau data-data akan dikumpulkan dan dianalisis. Data-data yang dikumpulkan kemudiannya dianalisis mengikut pembahagian yang telah dirancang dan disesuaikan dengan kehendak tajuk penyelidikan.

Penyelidik mengambil masa 45 hari bagi tujuan rakaman ujaran kanak-kanak tersebut supaya keluarga kanak-kanak mempunyai masa yang cukup. Dalam tempoh masa tersebut, penyelidik membuat tinjauan dan lawatan untuk bersama-sama dengan kanak-kanak tersebut bagi meneliti dan mengamati

ujaran yang dilafazkan oleh kanak-kanak tersebut dari jarak dekat. Ahli keluarga seperti ibu bapa, abang, dan kakak kepada kanak-kanak tersebut memainkan peranan penting dalam memberi dorongan dan sokongan moral kepada kanak-kanak tersebut supaya mereka lebih kerap membuat ujaran.

Selepas tempoh tersebut, penyelidik mengumpul kembali semua pita rakaman yang berkenaan bagi tujuan analisis. Penyelidik akan memerhati dan mengamati ujaran kanak-kanak berpandukan pita rakaman tersebut. Catatan-catatan mengenai ujaran kanak-kanak tersebut ditulis kembali dalam deskripsi. Berpandukan deskripsi tersebut, penyelidik akan menganalisis ujaran setiap kanak-kanak yang berada dalam tahap pemerolehan bahasa mereka.

Persampelan

Sampel kajian ini terdiri daripada kanak-kanak Melayu yang berumur antara tiga hingga empat tahun. Sampel dipilih secara rawak berdasarkan pemerhatian. Persampelan mengandungi tiga orang kanak-kanak lelaki dan tiga orang kanak-kanak perempuan.

Penganalisisan Data

Penganalisisan data dilakukan secara kuantitatif dan kualitatif. Analisis kuantitatif digunakan untuk menentukan kekerapan pemerolehan bahasa dalam kalangan kanak-kanak Melayu lelaki dan perempuan yang berumur antara tiga hingga empat tahun. Penganalisisannya dibuat melalui pengiraan Min Panjang Ujaran (MLU). Tujuannya adalah untuk menentukan kekerapan pemerolehan bahasa yang dapat dikuasai oleh kanak-kanak pada peringkat umur yang tertentu. Analisis secara manual telah dijalankan dengan cara penyelidik mencatatkan keseluruhan ujaran kanak-kanak semasa sesi temu bual dan menganalisisnya berdasarkan peringkat perkembangan bahasa. Cara mendapatkan MLU adalah dengan menggunakan formula yang berikut:

$$\text{MLU} = \frac{\text{Jumlah kata yang dikumpulkan daripada setiap rakaman}}{\text{Jumlah Ujaran}}$$

Sementara analisis kualitatif pula digunakan untuk menghuraikan ujaran umum yang terdapat pada peringkat awal berbilang kata terhadap pertuturan kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur tiga hingga empat tahun.

Segala ujaran umum yang dituturkan oleh kanak-kanak diklasifikasikan mengikut tahap pemerolehan bahasa. Akhir sekali, penyelidik membuat transkripsi data daripada bentuk lisan kepada bentuk tulisan.

Alat Pengumpulan Data

Data kajian dikumpulkan dengan menggunakan alat-alat seperti alat perakam digital, kad bergambar, alat permainan dan kaset nyanyian.

Teori Kajian

Kajian ini berasaskan Teori Mentalis yang akan cuba meneliti perkembangan pemerolehan morfologi dan sintaksis dalam kalangan kanak-kanak Melayu pada peringkat MTD. Teori Genetik-Kognitif yang telah digolongkan dalam kategori teori kognitif telah dijadikan kerangka teori ini. Teori ini diperkenalkan oleh Chomsky (1959) yang telah mengubah secara radikal perkembangan psikolinguistik. Lantaran, wujudlah satu teori pemerolehan dan pembelajaran bahasa yang disimpulkan daripada teori linguistiknya (teori Transformasi Generatif). Teori ini memberikan penekanan yang mutlak pada otak (akal, mental) yang melandasi proses pemerolehan dan pembelajaran bahasa.


Teori Genetik-Kognitif berdasarkan satu hipotesis yang disebut Hipotesis Nurani (HN). Teori ini mengatakan bahawa otak manusia telah dicipta secara semula jadi (genetik) untuk berbahasa. Oleh itu, otak manusia telah dilengkapi dengan struktur bahasa sejagat dan ini disebut sebagai Alat Pemerolehan Bahasa (LAD). Dalam proses pemerolehan bahasa, LAD menerima ucapan-ucapan dan data lain yang berkaitan melalui pancaindera sebagai masukan lalu membentuk rumus-rumus linguistik. Masukan ini seterusnya dinuranikan sebagai keluaran.

Noam Chomsky dan rakan-rakan yang sealiran dengannya telah banyak menumpukan perhatian pada unsur-unsur terpendam dalam manusia dan bukannya terhadap sesuatu perlakuan yang dapat dilihat sahaja. Mereka menganggap bahawa manusia sejak lahirnya sudah mempunyai kebolehan memperoleh sistem perhubungan yang digunakan oleh manusia, iaitu bahasa. Keupayaan memperoleh bahasa ini disebabkan oleh alat semula jadi yang ada pada manusia, iaitu LAD. Chomsky (1975:13) berpendapat bahawa kenuranian dalam teori pembelajaran memang tidak dapat diragui lagi. Katanya, setiap teori pembelajaran wajar dipertimbangkan bersama hipotesis kenuranian.

Daripada kenyataan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa manusia secara semula jadi mempunyai potensi untuk berbahasa. Potensi berbahasa ini sebenarnya bertempat di dalam akal. Teori Mentalis ini beranggapan bahawa kanak-kanak yang terdedah kepada sesuatu bahasa itu mempunyai keupayaan yang semula jadi untuk merumus dan membentuk hukum nahu bahasa tersebut. Sekiranya tidak ada pendedahan, maka penguasaan bahasa tidak akan berlaku kerana alat atau jentera penguasaan bahasa tidak mendapat sebarang bahan untuk diproses. Contohnya, cerita tentang seorang manusia yang dipelihara oleh binatang; ia tidak dapat bercakap ketika dijumpai (Abdullah Hassan, 1983:260).

Dalam proses pemerolehan bahasa, tugas kanak-kanak yang dilengkapi dengan LAD adalah untuk menentukan bahasa masyarakat yang akan dimasukkan melalui ayat-ayat yang didengarnya itu. Struktur semula jadi atau skema nurani yang dimilikinya semakin diperkaya selepas bertembung atau didedahkan dengan masukan daripada bahasa masyarakatnya (bahasa ibunda) lalu membentuk teori tatabahasanya. Tatabahasa ini seterusnya disempurnakan berdasarkan masukan yang semakin banyak yang sesuai dengan proses kematangan otaknya. Teori Mentalis menghubungkan realiti mental dengan perlakuan bahasa yang sebenarnya. Pengetahuan bukanlah satu latihan pancaindera tetapi merupakan hasil daripada pemikiran manusia.

Teori Mentalis menganggap bahasa sebagai pengetahuan yang dihasilkan oleh sesuatu proses dalam otak dan saraf setelah menerima rangsangan daripada pancaindera. Kreativiti yang wujud dalam otak atau pemikiran penutur bahasa itu ialah keperluan dalam diri manusia yang wujud sejak lahir, bukannya sekadar alat luar untuk berkomunikasi, malah merupakan sesuatu yang pasti ada dalam manusia (Kamarudin Haji Husin, 1986:14).



Rajah 1 Proses dalam Otak.

Sumber: Kamarudin Haji Husin, 1986:14.

Bagi golongan kognitif ini, kebolehan menuturkan ayat dikatakan tidak dikuasai secara mekanikal ataupun terhasil daripada aktiviti rangsangan gerak balas (R-G). Sistem sintaksis bahasa dan rumus-rumus yang mengawal pembentukan ayat dikatakan telah wujud dalam alat pemerolehan bahasa, iaitu di dalam minda manusia sejak mereka lahir ke dunia.

Mengikut Chomsky (1965), kanak-kanak dikatakan telah dilengkapi dengan LAD sejak lahir. Jadi, seorang kanak-kanak tidak perlu menghafal dan meniru pola ayat tetapi masih mampu menguasai bahasa pertama.

Fungsi rangsangan bahasa bukanlah sebagai bahan untuk melatih tubi, tetapi sebagai bahan untuk membolehkan nahu universal membuat penyesuaian. Penyesuaian ini penting untuk membolehkan nahu ini diungkapkan atau disesuaikan dalam bentuk-bentuk yang dapat menghasilkan pertuturan yang gramatis dan dapat difahami oleh para pengguna sesuatu bahasa yang tertentu.

Kajian-kajian yang dijalankan oleh Hornstein dan Lightfoot (1981), dan Shatz (1982) telah membuktikan bahawa dalam proses penguasaan bahasa, kanak-kanak tidak dipengaruhi oleh bentuk-bentuk pertuturan bahasa para penjaga mereka. Di samping itu, terdapat juga bukti bahawa kanak-kanak membentulkan kesalahan mereka bukan kerana ditegur oleh orang-orang dewasa tetapi kerana mereka telah dapat menentukan rumus-rumus yang benar untuk membolehkan mereka menghasilkan bentuk-bentuk pertuturan yang gramatis. Perubahan daripada bentuk yang salah kepada yang betul bukanlah disebabkan oleh pembetulan oleh orang-orang dewasa tetapi oleh rumus-rumus dalaman yang telah dapat dikenal pasti oleh kanak-kanak (Foss & Hakes, 1978:280).

DAPATAN KAJIAN

Penguasaan dan Penggunaan: Morfologi

Kata merupakan satu aspek penting dalam komunikasi kanak-kanak (Abdullah Hassan, 1983). Morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur, bentuk, dan penggolongan kata. Struktur kata membawa maksud susunan bentuk bunyi, ujaran atau lambang (tulisan) yang menjadi unit bahasa yang bermakna. Bentuk kata merupakan unit tatabahasa, sama ada berbentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan. Penggolongan kata ialah proses menjeniskan perkataan berdasarkan keserupaan bentuk dan / fungsi dengan anggota lain dalam golongan yang sama. Morfologi bahasa Melayu ialah bidang yang mengkaji

struktur, bentuk, dan penggolongan kata dalam bahasa Melayu.

Kata Sari

Kata merupakan aspek penting dalam komunikasi kanak-kanak. Manusia menggabungkan kata yang dirangkaikan menjadi frasa atau ayat yang bermakna. Kata yang mula-mula dipelajari oleh kanak-kanak ialah kata sari, iaitu kata yang mempunyai isi, dan isi itu ialah makna (Asmah Haji Omar, 1986).

Kata-kata ini menunjukkan nama manusia, haiwan, benda, dan sebagainya. Contohnya, emak, abah, susu, air, kucing, bola, dan sebagainya. Kata-kata ini juga merujuk kepada perbuatan, gerak-geri, dan sifat. Contohnya tidur, makan, jalan, elok, sedap, hangat, sejuk, dan sebagainya (Asmah, 1986:49). Yang berikut ialah kata sari yang telah dikuasai oleh kanak-kanak pada peringkat ini.

<u>Ujaran kanak-kanak</u>	<u>Makna ujaran</u>
ha	ayam
pal	epal
ola	bola
lon	belon
keta	kereta
miau	kucing
adak	bedak
icang	pisang
aju	baju

Terdapat satu lagi golongan kata yang disebut oleh Asmah Haji Omar (1976:49), iaitu kata tugas (*functors*). Kata tugas ini sekiranya berdiri sendiri tidak jelas maknanya tetapi kata seperti ini dapat dikesan berdasarkan peranannya yang tertentu dalam nahu sesuatu bahasa. Makna kata-kata ini dikesan apabila digunakan bersama-sama kata lain seperti *belum*, *sudah*, *pada*, *dari*, dan sebagainya.

Kata-kata seperti ini tidak timbul dalam bahasa kanak-kanak pada peringkat awal kerana kata-kata ini sukar dirujuk kepada benda, perbuatan, atau sifat. Oleh itu, didapati bahawa bahasa kanak-kanak yang berumur dua tahun terdiri daripada kata sari semata-mata. Kata-kata ini dapat difahami kerana mempunyai makna yang lengkap.

Kata Tugas

Menjelang umur tiga tahun, kanak-kanak sudah memperlihatkan beberapa kata tugas seperti kata *dalam*, *sama*, dan *dengan*. Kata-kata seperti *di*, *ke*, dan *dari* lambat muncul hingga umur empat tahun. Hal ini disebabkan oleh hakikat bahawa dalam bahasa kanak-kanak, kata *ke* tidak diperlukan kerana perbuatan yang menunjukkan arah, sama ada arah permulaan atau arah tumpuan berkisar pada perkataan-perkataan *pergi* dan *datang*. Dalam bahasa kanak-kanak, bahkan juga dalam bahasa orang dewasa, perkataan tersebut tidak perlu disertai oleh kata tugas yang berkenaan.

Contohnya:

- | | |
|-------|--------------------------------|
| Anis: | “Abah tak de. Dia pegi kerja.” |
| Anis: | “Tok datang sini besok.” |
| Anis: | “Akak dah balik sekolah.” |

Jika kanak-kanak di bawah umur lima tahun menggunakan perkataan *jalan*, dia tidak melihat perbuatan “berjalan” itu sebagai satu kegiatan “pergi dari satu tempat ke tempat yang lain”, tetapi baginya perbuatan itu dilihat sebagai salah satu kegiatan yang melibatkan sejenis gerak laku dengan menggunakan kaki sahaja. Faktor permulaan dan tumpuan arah tidak menjadi satu persoalan baginya.

Contohnya:

- | | |
|-------|-------------------------------|
| Adik: | “Bang, jalanlah cepat sikit!” |
|-------|-------------------------------|

Kata tugas *di* juga lambat muncul, tetapi digunakan lebih awal daripada kata tugas *ke*, iaitu semasa dalam usia empat tahun. Hal ini disebabkan kata ini diperlukan untuk menunjukkan tempat kewujudan sesuatu yang sesuai dengan pengetahuan kognitif kanak-kanak. Sehingga berumur tiga tahun, kata tugas *di* belum diperlukan. Kanak-kanak yang dikaji dalam umur dua tahun setengah melahirkan kata-kata seperti yang berikut:

- | | |
|------------|-------------------|
| Pengkaji : | “Mak mana, adik?” |
| Adik : | “Mak balik.” |
| Pengkaji : | “Abah mana, dik?” |
| Adik : | “Abah Opis.” |

Sehingga berumur empat tahun, kanak-kanak masih menggunakan tutur seperti yang dinyatakan. Kata *dalam* lebih awal timbul dalam bahasa kanak-

kanak dibandingkan dengan *di* dan *ke*.

Contohnya:

- Emak : “Mana kereta adik?”
Adik : “*Dalam* kotak.”

Kata *dalam* lebih mudah difahami dan dihayati oleh kanak-kanak kerana lebih mudah dihubungkan dengan alam kehidupan mereka. Ungkapan-ungkapan “dalam kotak” dan “dalam bilik” lebih mudah difahami kerana ada ruang yang boleh dilihat oleh mereka, seperti kotak dan bilik.

Kebanyakan kata tugas seperti *ke*, *di*, dan *dari* bersifat abstrak. Oleh itu, dalam bahasa orang dewasa, kata *dalam* dianggap sebagai adverba.

Contohnya:

- Pertanyaan : “Dia di mana?”
Jawapan : “Di *dalam*.” (atau dalam)

Perkataan *sama* muncul lebih awal daripada *di* dan *ke* kerana lebih mudah difahami dan digunakan oleh kanak-kanak kerana ia berkait rapat dengan kegiatan sehari-hari kanak-kanak. Dalam kegiatan sehari-hari, kanak-kanak sentiasa didampingi oleh orang yang mendorong mereka menggunakan bahasa perhubungan yang kerap digunakan dan lebih mudah difahami. Hubungan dengan orang lain akan memberikan pengertian komutatif atau penyertaan.

Contohnya:

- Pengkaji : “Adik makan apa tu?”
Adik : “Roti *sama* telur.”

Selain itu, terdapat juga tutur-tutur yang menunjukkan pengertian penyertaan antara manusia, sama ada antara kanak-kanak itu sendiri dengan orang lain atau antara orang lain dengan orang yang lain.

Contohnya:

- Adik : “Adik nak main *sama* akak.”
Adik : “Adik nak pegi main *sama* abah, *sama* emak.”
“Kita makan *sama-sama*.”
“Baju adik *sama* baju abang.”

Perkataan *dengan* membawa maksud penyertaan muncul selepas

kemunculan kata *sama*. Ini disebabkan kata *dengan* adalah lebih abstrak. Selain mempunyai fungsi penyertaan, kata *dengan* juga mempunyai fungsi alat dan fungsi dalam gaya. Perkataan *dengan* dalam fungsi gaya bahasa kanak-kanak sehingga melewati umur masuk sekolah (6 tahun) tidak timbul sama sekali. Contohnya seperti dalam ayat yang berikut, ayat pertama tidak timbul, sebaliknya ayat kedua yang digunakan:

1. “Dia berjalan *dengan* cepat.”
2. “Adik jalan cepat.”

Fungsi alat kata *dengan* pula timbul agak lambat. Kata *dengan* untuk fungsi alat timbul atau digunakan ketika kanak-kanak berusia tiga tahun. Sebelum berusia tiga tahun, kanak-kanak menggunakan kata *pakai* sebelum menggantikannya dengan kata *dengan*.

Contohnya:

- Adik: “Adik nak makan *pakai* sudu.”
Anis: “Anis nak tulis *pakai* warna tu.”

Kata depan lain yang muncul agak awal dalam bahasa kanak-kanak ialah *kat*, membawa makna yang sama untuk kata *kepada* dan *untuk*. Antara contohnya:

- Syafiq: “Ni nak bagi ni *kat* akak.”
Syafiq: “Mak, belilah *kat* Afiq senapang tu.”

Kata *kat* untuk pengertian seperti yang digunakan oleh kanak-kanak itu terdapat juga dalam bahasa orang dewasa.

Kata *untuk* timbul dalam bahasa kanak-kanak sekitar umur tiga tahun dalam ayat namaan, iaitu ayat yang tidak ada perbuatan atau kata kerja. Jika ada kata perbuatan dalam ayat tersebut, maka kata *kat* tetap digunakan.

Contohnya:

- Syafiq: “Abah beli kereta tu *kat* Afiq. Ini untuk orang.”

Kata tugas *pun* digunakan oleh kanak-kanak ketika usia mereka mencapai tiga tahun, iaitu apabila kanak-kanak sudah dapat menimbulkan perbandingan dan penggunaan. Kata *pun* biasanya disertai oleh kata adjektif juga.

Contohnya:

- Adik : “Baju bang Man cantik. Baju adik *pun* cantik.”

Kata Penghubung

Semasa proses pertumbuhan dan perkembangan bahasa kanak-kanak, terdapat juga kata penghubung seperti kata penghubung setara (*dan, atau, tetapi*) atau kata penghubung tak setara (*sebab, jika, kalau*) yang diperoleh kanak-kanak. Adanya kata penghubung dalam penggunaan bahasa menunjukkan adanya ayat kompleks.

Penggunaan kata penghubung dalam kalangan kanak-kanak telah berlaku semenjak mereka berusia dua tahun setengah. Kata penghubung yang biasa digunakan adalah seperti *sebab* dan *tetapi*.

Contohnya:

- “Adik tak mahu makan *sebab* adik tak lapar.”
- “Adik nak makan *tapi* Alang mesti tunggu adik.”

Penggunaan kata *sebab* dalam ayat tersebut tidak menimbulkan apa-apa reaksi daripada orang dewasa yang mendengarnya. Tetapi, penggunaan kata *tapi* dalam ayat seterusnya menimbulkan reaksi dan mengejutkan kesedaran kebahasaan orang dewasa kerana kanak-kanak tersebut dapat menggunakan perkataan tersebut dan bercakap seperti orang dewasa.

Penggunaan kata penghubung lain ialah kata *kalau* yang biasanya digunakan oleh kanak-kanak prasekolah semasa berumur lima hingga enam tahun. Kata ini muncul selepas kata *sebab*. Kata *kalau* lebih sukar digunakan kerana tiada pertanyaan dalam bahasa Melayu yang boleh dihubungkan secara langsung dengan kata *kalau*. Selain itu, kata *kalau* hanya wujud sebagai penghubung dan tidak digunakan sebagai kata nama. Contohnya:

- Syafiq : “Kalau Afiq mandi, mak nak bagi apa *kat* orang?”
- Syafiq : “Kalau pegi rumah Tok, ada apa *kat* sana?”

Antara kata penghubung yang paling awal digunakan oleh kanak-kanak ialah kata *yang*. Kanak-kanak yang berumur dua tahun sudah dapat menggunakannya. Ini berkait rapat dengan fungsi *yang* dalam pertunjukan, iaitu dalam mengarahkan pandangan kepada sesuatu benda. Dalam konteks ini, pertanyaan orang dewasa sering menggunakan kata *yang*. Walaupun dalam usia yang muda, jawapan kanak-kanak tidak mempunyai kata *yang*, kerana sering mendengar orang dewasa menggunakan kata *yang*, maka lama-kelamaan perkataan itu dapat diserap ke dalam bahasa kanak-kanak. Antara contoh penggunaan kata *yang* ialah:

- Emak : “*Yang* mana baju Anis?”

Anis : “Ni.”

Kata Ganti Nama

Kata ganti nama yang terdapat dalam bahasa kanak-kanak meliputi kata ganti nama pertama, kata ganti nama kedua, dan kata ganti nama ketiga.

Kata Ganti Nama Orang Pertama

Kata ganti nama orang pertama yang digunakan oleh kanak-kanak adalah seperti *saya*. Pada amnya, perkataan *saya* timbul hanya setelah mereka memasuki alam persekolah. Sekiranya kanak-kanak tersebut telah memasuki prasekolah pada usia tiga tahun, maka mulai dari waktu itulah dia akan menggunakan kata ganti nama diri pertama, iaitu perkataan *saya*.

Kanak-kanak pada keseluruhannya tidak merujuk kepada dirinya sebagai *saya*, tetapi menyebut namanya sendiri, nama pendeknya, atau gelaran yang diberikan kepadanya. Dalam contoh-contoh yang terdapat pada huraian penggunaan kata, didapati kanak-kanak menggunakan kependekan nama dan gelaran seperti *adik*, *Afiq*, *La*, dan sebagainya bagi menyebut dirinya dan bukannya perkataan *saya*. Dalam situasi ini, ibu bapa dan orang di sekelilingnya memanggil mereka dengan nama tersebut dan merujuk kepada mereka dengan nama yang sama.

Mereka tahu bahawa nama *adik* dan *Afiq* itu ialah nama yang merujuk kepada diri mereka, maka mereka terus menggunakan untuk tujuan tertentu.

Walaupun kanak-kanak mula belajar di tadika dan prasekolah pada usia awal, iaitu antara tiga hingga empat tahun, namun penggunaan perkataan *saya* terbatas kepada pekarangan sekolah sahaja. Apabila berada di rumah bersama keluarga, kanak-kanak akan kembali menggunakan namanya sendiri untuk merujuk kepada dirinya sendiri sebagai orang pertama dalam perbualan. Hal ini berterusan sehingga kanak-kanak tersebut menjadi dewasa, iaitu setelah dapat membentuk konteks penggunaan nama diri sendiri dengan penggunaan *saya*.

Nama diri sendiri akan terhad dalam perbualan dengan orang terdekat sahaja, iaitu mempunyai hubungan kekeluargaan yang rapat seperti ibu, bapa, abang, kakak, bapa saudara, dan sebagainya, khususnya orang yang lebih tinggi peringkat pangkat dan tatatingkat kekeluargaannya. Manakala, perkataan *saya* digunakan ketika berhubung dengan guru, rakan-rakan dan sebagainya yang mempunyai hubungan yang kurang rapat.

Kata Ganti Nama Orang Kedua

Kata ganti nama orang kedua tidak timbul kecuali dengan pengaruh bahasa baku yang mempunyai perkataan seperti *kamu*, *engkau*, dan *anda*. Untuk merujuk kepada orang kedua, orang yang diajak berbual, nama orang yang berkenaan itulah yang digunakan untuk menggantikan penggunaan kata ganti nama kedua.

Rujukan untuk kata ganti nama kedua juga digunakan berdasarkan tatatingkat umur, iaitu sekiranya lebih muda, akan dipanggil *adik*, tetapi jika lebih tua, maka rujukan untuk orang kedua itu akan mengikut pangkatnya seperti *mak*, *ayah*, *akak*, *along*, dan sebagainya. Amalan ini juga terdapat dalam bahasa orang dewasa.

Apabila kanak-kanak berada di sekolah, sama ada di tadika atau prasekolah, kata ganti nama diri kedua digunakan. Kata-kata seperti *awak* dan *kamu* digunakan dalam perbualan dengan orang kedua. Kata ganti nama juga digunakan sebagai bentuk vokatif, iaitu dalam panggilan. Penggunaan kata ganti nama kedua dalam penggunaan bahasa orang dewasa hanya digunakan dalam situasi marah seperti:

“Hei, *kamu*! Jangan suka kacau orang!”

Daripada penelitian, didapati kanak-kanak menggunakan kata ganti nama kedua dalam perbualan dengan rakan-rakan ketika di sekolah. Mereka menggunakan kata seperti *awak* sebagai bentuk vokatif. Penggunaan kata ganti nama ini juga bergantung pada keadaan sekeliling, iaitu seperti semasa di sekolah, guru menggunakan kata ganti nama kedua dan menyuruh kanak-kanak menggunakanannya ketika berinteraksi antara satu sama lain. Contoh penggunaan kata ganti nama kedua ialah:

Syakira: “Hai, *awak*! Awak dah buat ke kerja rumah yang cikgu suruh buat tu?”

Syakira: “Kenapa *awak* makan tak habis?”

Kata Ganti Nama Orang Ketiga

Kata ganti nama orang ketiga wujud dalam penggunaan bahasa kanak-kanak sejak dari rumah, berbanding dengan penggunaan kata ganti nama diri kedua yang bermula di sekolah. Kata ganti nama orang ketiga seperti *dia* mula terdapat dalam perbualan kanak-kanak sejak awal lagi. Perkataan *dia* tidak mengalami kesukaran dalam kemunculannya berbanding *awak*, *kamu* atau *engkau* kerana perkataan *dia* tidak banyak kendala sosiolinguistik yang

mengikut penggunaannya. Sebagai bukti dapatan kajian, diperturunkan graf kekerapan penggunaan kata ganti nama orang.



Rajah 2 Kekerapan penggunaan kata ganti nama pertama, kedua dan ketiga.
Sumber: Dapatan kajian.

Kata Ganti Nama Jamak

Kata ganti nama jamak yang paling awal muncul dalam bahasa kanak-kanak ialah *kita*, iaitu ketika kanak-kanak berusia dua tahun setengah hingga tiga tahun. Perkataan ini digunakan dalam pengertian orang pertama jamak inklusif dan mufrad. Penggunaan dalam konteks yang pertama tidak berbeza dengan penggunaan perkataan tersebut dalam bahasa orang dewasa.

Penggunaan sebagai ganti nama orang pertama merupakan kelainan separuh formal bagi rujukan kepada nama sendiri. Perkataan *kita* yang membawa makna “saya” digunakan apabila kanak-kanak berkomunikasi dengan rakan-rakan yang tidak akrab hubungan dengannya. Biasanya *kita* digunakan dalam hubungan dengan kawan-kawan sekolah atau kawan-kawan sepermainan.

Contohnya:

- “*Kita* nak tengok wayang dengan bapa *kita*.”
- “*Kita* ada permainan komputer di rumah.”
- “Semalam, kan ... *kita* pergi KFC.”

Kata ganti nama *kita* lebih awal muncul daripada kata *kami* juga boleh dilihat daripada kebiasaan mendidik anak-anak dalam kalangan orang

Melayu. Perkataan *kita* inklusif sifatnya, iaitu merangkumi orang yang bercakap dan orang yang diajak bercakap. Dalam mendidik anak-anak dalam kalangan masyarakat Melayu, perasaan “kekitaan” amat penting. Ini bersesuaian dengan budaya Melayu yang memberikan tumpuan kepada hidup bermasyarakat.

Sebaliknya, perkataan *kami* bersifat eksklusif, iaitu memberikan tumpuan kepada pihak orang yang bercakap sahaja dan menyisihkan orang yang diajak bercakap. Penggunaan *kami* menunjukkan adanya pihak-memihak, sedangkan ini tidak berlaku dalam penggunaan *kita*. Sikap “keakuan” dan “kekamian” tidak digalakkan oleh budaya Melayu tradisional. Oleh itu, dalam mendidik kanak-kanak yang masih muda, ibu bapa jarang-jarang menggunakan perkataan *kami*. Akibatnya, kanak-kanak tidak terdedah kepada penggunaan kata *kami*.

Untuk pengertian *kami* dalam bahasa kanak-kanak, biasanya orang pertama dirangkaikan dengan perkataan *dengan*. Ibu bapa memberikan contoh penggunaan seperti yang berikut:

Emak : “Afiq duduk baik-baik di rumah.
Mak *dengan* abah nak keluar kejap.”

Ayat ini menunjukkan penghindaran orang dewasa menggunakan kata ganti nama *kami*. Contoh pertuturan kanak-kanak pula adalah seperti yang berikut:

Syafiq : “Mama, Afiq *dengan* akak nak beli coklat.”

Daripada contoh, didapati rangkai kata nama + dengan + nama dalam bahasa kanak-kanak itu bersifat penyertaan daripada penjamakan. Dengan ini, konsep penyertaan dikatakan timbul lebih awal daripada konsep penjamakan.

Rujukan kepada orang ketiga dilakukan dengan merangkaikan nama-nama yang berkenaan dengan perkataan *dengan*.

Contohnya:

Syafiq : “Abah, Iqmal *dengan* Muhammad tak mau kawan *dengan* Afiq.”

Kata Kerja Bantu


Dalam kajian ini, didapati hanya kata kerja *sudah* dan *belum* yang agak ketara digunakan oleh kanak-kanak. Kata *sudah* muncul lebih dahulu daripada kata *belum*, iaitu kewujudannya adalah ketika kanak-kanak dalam usia dua tahun. Hal ini disebabkan semasa berinteraksi dengan orang dewasa,

kata *sudah* (dah) ini sering didengarinya. Antara contohnya:

- Ibu: “Sayang *dah* bangun? Nak nenen?”
Ibu: “*Dah* petang ni, pergi mandi.”
Ibu: “*Dah* main, kemas balik LEGO tu.”

Kata *belum* timbul kemudian daripada kata *sudah*. Hal ini disebabkan kurangnya penggunaan kata itu dalam bahasa ibu dengan bayinya, di samping adanya pilihan lain untuk penggunaan kata *belum*, iaitu *tidak ... lagi*.

Sebagai bukti dapatan kajian, diperturunkan graf kekerapan penggunaan kata pada peringkat pemerolehan morfologi dalam kalangan kanak-kanak yang dijadikan subjek kajian.



Rajah 3 Kekerapan penggunaan kata.

Sumber: Dapatan kajian.

Penguasaan dan Penggunaan: Sintaksis

Sintaksis atau ayat ialah pengucapan yang paling tinggi kedudukannya dalam susunan tatabahasa, dan mengandungi makna yang lengkap Asmah Haji Omar (1986). Ayat boleh terbentuk daripada satu perkataan atau susunan beberapa perkataan yang diucapkan dengan intonasi yang sempurna, iaitu dimulai dan diakhiri dengan kesenyapan.

Sebelum berumur dua tahun, penyataan bahasa kanak-kanak dalam komunikasi bahasa verbal belum teratur dari segi susunannya menurut nahu bahasa orang dewasa. Hal ini bermaksud jika dalam nahu biasanya ada Pelaku – Perbuatan – Pelengkap, nahu yang tergambar dalam bahasa kanak-kanak untuk menyatakan keinginannya hanya terdiri daripada Pelengkap – Perbuatan.

Contohnya:

Syafiq : Bukak cipar (buka selipar).

Seseorang kanak-kanak dapat berkomunikasi dengan struktur bahasa yang baik apabila dia berupaya menggabungkan perkataan dalam ayat dan memahami kata-kata yang diujarkan oleh orang di sekelilingnya. Aspek ini memperlihatkan keupayaan seseorang kanak-kanak menghasilkan dan memahami ujaran yang berhubung dengan komunikasi yang berlaku. Dalam penelitian yang dilakukan, didapati bahawa komunikasi verbal kanak-kanak lelaki dan perempuan tidak mempunyai keupayaan sintaksis yang mantap pada peringkat awalnya, namun upaya ini bertambah baik setelah mereka berusia antara lima hingga enam tahun. Namun demikian, ayat-ayat yang diujarkan itu merupakan ayat-ayat yang mudah, iaitu ayat-ayat selapis yang mengandungi satu subjek dan satu predikat sahaja.

Contoh:

Dia naik kuda.
Kucing itu lari laju.
Air itu panas.
Siti buat kopi.
Nenek jahit baju.
Rumah datuk besar.
Datuk baca surat khabar.
Kami ada ayam.
Dia seronok tunggang kuda.
Kami pergi rumah nenek.
Rumah nenek di kampung.
Siti pegang dengan tangan.

Ayat Dasar

Ayat dasar ialah ayat yang menjadi dasar atau sumber bagi pembentukan semua ayat lain dalam sesuatu bahasa. Dalam kajian ini, ayat dasar ditakrifkan sebagai ayat yang mengandungi satu konstituen subjek dan satu konstituen predikat. Ayat-ayat ini pula terbentuk melalui pola-pola seperti yang berikut:

1. Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN)
2. Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK)
3. Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA)
4. Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN + FS)

Antara contoh ayat dasar dalam kajian adalah seperti yang berikut:

1. Adik dia kawan Anis.
2. Emak dia menjahit.
3. Kakak itu baik.
4. Buah cempedak di luar pagar.

Ayat Tunggal

Ayat tunggal ialah ayat yang mengandungi satu klausa sahaja, iaitu satu unit rangkaian perkataan yang mengandungi satu konstituen subjek dan satu konstituen predikat (Nik Safiah Karim *et al.*, 1986:65). Antara ayat tunggal yang terdapat dalam kajian ini ialah:

1. Cikgu bernama Zuraidah.
2. Sedap kek tu!
3. Di kampung banyak buah-buahan.
4. Semua permainan itu saya simpan.

Ayat Seruan

Ayat seruan ialah ayat yang diucapkan dengan membawa nada atau intonasi seruan bertujuan melahirkan sesuatu perasaan seperti takut, marah, takjub, geram, sakit, dan sebagainya. Intonasi seruan ini ditandai dalam bentuk tulisan dengan nada seru (!). Antara contoh dalam kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. Nak atei, nak atei! (hendak mandi)
2. Tak apak! (tak nampak)
3. Eh ... ah, angan tacau! (jangan kacau)
4. Eh ... ih, tak balah! (tak boleh)
5. Iceh! (bersih)
6. Ini i : yek! (katak)
7. Wah, *bestlah* cerita cikgu!
8. Cantik lukisan tu!
9. Itam! (ikan)
10. Aduh, sakitlah!

Daripada contoh di atas, dapat dilihat bahawa kata seruan menggambarkan kesungguhan penuturnya melahirkan perasaan yang bersungguh-sungguh dalam menerangkan sesuatu situasi. Misalnya dalam contoh Ayat 1, kanak-

kanak tersebut menyatakan hendak mandi ketika itu dan tidak dapat bertangguh lagi. Dalam contoh Ayat 6 pula, kanak-kanak tersebut berasa sungguh “jijik” pada seekor katak yang dilihatnya sehingga mengeluarkan kata seperti mahu muntah, manakala contoh Ayat 8 pula menerangkan keadaan seseorang yang terpegun melihat sesuatu yang cantik, iaitu lukisan. Kanak-kanak itu mungkin tidak pernah melihat lukisan secantik itu sebelum ini.

Ayat Penyata

Ayat penyata ialah ayat yang diucapkan dengan makna membuat satu pernyataan. Ayat penyata mempunyai tujuan menyatakan atau memberikan keterangan tentang sesuatu hal. Ayat penyata juga disebut sebagai ayat berita atau ayat keterangan. Antara contoh ayat penyata dalam kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. Ini te: tan. (ini beruang)
2. Adik pegi padang.
3. Nana sedang tidur.
4. Rumah datu besar.
5. Dia pelajar universiti.

Daripada contoh di atas, dapat dilihat bahawa kanak-kanak itu ingin menyatakan sesuatu, misalnya dalam Contoh 1, kanak-kanak itu dalam pelatnya menyebut gambar yang ditunjukkan kepadanya sebagai te: tan, iaitu beruang. Dalam Contoh 3 pula, kanak-kanak mengetahui kakaknya sedang tidur dan tidak boleh diganggu. Manakala pada Contoh 5 pula, kanak-kanak mengetahui peneliti ialah seorang pelajar universiti dan menyatakan-nya kepada guru mereka.

Ayat-ayat Bentuk Pengeluaran

Ayat-ayat dalam bentuk ujaran jenis pengeluaran ialah ayat-ayat yang diujarkan oleh kanak-kanak dan diterima oleh orang lain. Daripada ayat-ayat yang dikumpulkan hasil percakapan kanak-kanak, didapati bahasanya berada dalam Fasa Peralihan. Pada dasarnya, banyak ayat yang terdiri daripada pola satu kata, dua kata, dan tiga kata ataupun lebih. Unsur-unsur bahasa matematik, iaitu bahasa untuk belajar didapati dominan pada kanak-kanak terbabit seperti menggunakan bahasa untuk memberikan nama, menyatakan tujuan, dan hasrat serta bahasa untuk mengagak-agak sesuatu makna atau keadaan.

Dalam Contoh1, kanak-kanak menggunakan bahasanya untuk memberikan nama atau menyebut benda-benda, sama ada dengan menggunakan pengalaman hidup dunianya atau dengan mengagak-agak.

Contoh 1:

- P : Ini (apa)? (menunjuk kepada gambar rusa)
N : Ini ide ibang. (ini kuda terbang)
P : Ini apa?
N : Ini ajah. (ini gajah)
P : Ini apa? (menunjuk kepada gambar katak)
N : Ini i: yek (dengan mimik muka yang menunjukkan gelii)
P : Katak.
N : Ini tatak (ini katak)
P : Ini? (menunjuk kepada gambar zirafah)
N : Ini ... pa, pa, pa, pa, pa ...

*P = Pengkaji

N = Kanak-kanak yang dikaji

Berdasarkan perbualan tersebut, N banyak menggunakan ayat pola dua kata daripada jenis FN + FN. Halliday menamakan ujaran ini sebagai *privet speech*, iaitu percakapan yang menggunakan perkataan tertentu berulang-ulang. Kanak-kanak tersebut dapat menamakan binatang yang diketahuinya dengan betul dengan mengaitkan pengalamannya dengan input orang dewasa, iaitu “gajah” tetapi tidak dapat menamakan “rusa”, “katak” dan “zirafah” walaupun menggunakan pola yang betul.

Sebaliknya, kanak-kanak menamakan rusa sebagai “kuda terbang” kerana mempunyai tanduk yang banyak dan dikaitkan dengan rusa-rusa terbang yang menarik pedati seperti yang digambarkan dalam filem menerusi televisyen yang menunjukkan ketibaan Santa Claus pada hari Krismas. Pada keadaan ini, N cuba mengagak-agak dan menghubungkannya dengan konsep “kuda terbang”. Bagi “katak” pula, N menyebut i: yek kerana pengalamannya sendiri yang berasa “jijik” dan takut apabila terjumpa katak. Namun, dia dapat menyebut “tatak” bagi “katak” dengan cara mengajuk sebutan yang didengarnya.

Contoh 2 dan 3 menunjukkan bahasa kanak-kanak yang menggunakan penyataan-penyataan bagi mengungkapkan tujuan atau hasrat yang khusus ditujukan kepada orang lain yang rapat dengannya. Pemahaman hanya berlaku

bergantung pada faktor-faktor interaksi, konteks tempat, dan peristiwa.

Contoh 2:

- N : Yam, yam, yam, yam, yam.
E : La buah apa ini? La makan ye?
N : Yam, yam, yam! Akan (Yam, yam, yam. Makan).
E : La makan lauk apa?
N : Elur (Telur).

Contoh 3:

1. Nak atei, nak atei (Nak mandi, nak mandi!)
2. Bebi nak atei (*Baby* nak mandi)
3. Bebi nak ateila (*Baby* nak mandilah)
4. Ane? (Mana?)
5. Tak apak! (Tak nampak!)
6. Eh, jangan tacau! (Eh, jangan kacau!)
7. Bebi dah ilam. Em ... (*Baby* dah hilang. Em ...)

Dalam Contoh 2 dan 3 menunjukkan perbezaan yang jelas pada ayat N. Dalam Contoh 2, N masih terikat lagi dengan bahasa proto pada perkembangan bahasa fasa pertama, iaitu antara 13 hingga 18 bulan (Painter, 1988; Halliday, 1975). N menggunakan bunyi-bunyi yang mengandungi makna yang berkait rapat dengan sesuatu kerja dalam sesuatu masa, iaitu “yam” dengan cara berulang-ulang. Maksudnya untuk memberitahu “saya hendak makan sekarang” atau “saya suka makan”. Mungkin juga pada masa itu N hendak memberitahu bahawa dia lapar pada masa itu. N faham dengan jelas soalan-soalan yang diajukan kepadanya dan mengeluarkan jawapan yang tepat serta betul dari segi fungsi dan struktur.

Contoh seterusnya ialah Contoh 4 dan 5 yang menunjukkan perkembangan ujaran kanak-kanak yang menggunakan ayat-ayat yang lebih bermakna dan mempunyai ciri-ciri linguistik orang dewasa yang terdiri daripada makna semantik, tatabahasa leksikal dan fonologi seperti yang berikut:

Contoh 4:

- P : Ini apa?
N : Delang, delang (gelang, gelang)
P : Cantik gelang itu?
N : Etik, Abah eli delang La!
Abah eli delang Nana.


Contoh 5:

- N : Mak, La dah ecing! (Emak, La dah kencing)
E : Sudah kencing, boleh mandi!
N : La nak u-wang ipes (La nak buang pampers)

Jika diperhatikan ayat-ayat seperti dalam Contoh 4, iaitu “Abah beli gelang La. Abah beli gelang Nana”, jelas bahawa kanak-kanak terbabit mampu membentuk ayat selapis yang teratur dengan pola FN + FK + FN atau S – v – O. Ayat –ayat itu diulang dalam ikatan linguistik dan intonasi yang menyamai sistem linguistik orang dewasa. Namun, belum masanya N menguasai kebolehan membentuk ayat kompleks seperti “Abah beli gelang La dan Nana” atau “Abah belikan Nana dan La gelang yang cantik begini”.

Pada usia dua tahun setengah, kanak-kanak sudah mula berada pada tahap transisi. Perubahan ayat-ayat yang diucapkan oleh kanak-kanak adalah dengan meninggalkan bahasa matematik atau *holophrastic* (Lyons, 1990). Namun, bahasa N masih bercampur-campur, iaitu antara jenis telegrafik dengan pragmatik. Koleksi ayat dalam Contoh 4 dan 5 dapat dikategorikan kepada ayat dengan kata tunggal, ayat dua kata dan ayat tiga atau lebih daripada tiga kata. Daripada ayat-ayat yang dikumpulkan dan dianalisis, didapati bahawa pemerolehan bahasa kanak-kanak peringkat sintaksis berkembang sejajar dengan peningkatan umur kanak-kanak.

Sebagai bukti dapatan kajian, diperturunkan graf kekerapan ujaran ayat pada peringkat MTD.



Rajah 4 Kekerapan pengajaran ayat pada peringkat MTD.

Sumber: Dapatan Kajian.

Implikasi Dapatan Kajian

Kajian membuktikan kecekapan kanak-kanak menguasai kata nama adalah berasaskan kata yang selalu digunakan di rumah. Kanak-kanak hanya akan menggunakan kata yang mudah dan ketara daripada pemerhatian mereka. Kanak-kanak tidak akan menggunakan kata nama yang abstrak sifatnya. Hal ini kerana kanak-kanak hanya dapat mengikuti kata-kata yang dianggap mudah dan senang diikuti oleh mereka. Pemerolehan kata nama kanak-kanak tidaklah berlaku dengan sewenang-wenangnya. Dalam proses pemerolehan ini, kanak-kanak selalu menggunakan strategi pemudahan bagi menggambarkan makna yang telah dikuasai oleh mereka. Namun, bentuk-bentuk ini belum lagi mantap dalam pengetahuan mereka.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang rapat dan bermakna antara penggunaan imbuhan ibu bapa dan penjaga dengan kecekapan bahasa kanak-kanak. Di samping itu, dapatan kajian ini juga menggambarkan pemerolehan imbuhan kata nama dan kata kerja berlaku secara tidak langsung ketika kanak-kanak bekerjasama dengan ibu bapa dan penjaga mereka dalam sesuatu perbualan. Ibu bapa dan penjaga menggunakan pelbagai strategi bahasa bagi membantu kanak-kanak menguasai bahasa.

Dapatan kajian ini juga membayangkan bahawa guru yang dapat menyediakan konteks pembelajaran yang sihat, yakni konteks pembelajaran yang menggalakkan kanak-kanak melibatkan diri secara aktif dalam interaksi bahasa, dapat membantu kanak-kanak belajar bahasa. Di samping itu, guru juga perlu memberikan kerjasama kepada murid-murid dalam proses pembelajaran bahasa. Unsur-unsur tatabahasa pula dipelajari secara tidak langsung melalui interaksi bahasa tersebut.

Berdasarkan dapatan kajian ini, didapati kanak-kanak mempunyai kadar kebolehan yang sangat tinggi untuk mengkategorikan kata dan menggunakan mengikut korpus mereka. Kajian ini menunjukkan kanak-kanak mampu menggunakan pengetahuan asas tatabahasa sesuatu bahasa, khususnya bahasa Melayu, iaitu jenis-jenis ayat serta bentuknya. Pola-pola asas itu digunakan dalam analisis penguasaan ayat kanak-kanak, sama ada berdasarkan tatabahasa struktural ataupun tatabahasa transformasi generatif.

Kajian ini mengesahkan teori bahasa tatabahasa kanak-kanak ialah lanjutan daripada tindakan menyederhanakan tatabahasa orang dewasa. Contohnya, "*Daddy book*" yang bermakna "ini buku *daddy*". Kanak-kanak belajar dengan cara meniru dan mengingat ujaran yang didengarnya. Apabila umur mereka bertambah, mereka akan belajar pula rumus-rumus binaan ayat.

Apabila berinteraksi dengan orang yang lebih dewasa atau dalam kalangan rakan sebaya, kanak-kanak ini lebih gemar berbicara tentang alam sekeliling mereka seperti persekitaran keluarga, rakan-rakan sepermainan, alat-alat permainan yang dimiliki, binatang peliharaan yang ada di rumah ataupun pengalaman berjalan-jalan bersama keluarga. Ini sesuai dengan alam kanak-kanak yang merangkumi alam manusia, alam benda, alam binatang, dan alam tumbuhan yang dapat membantu memperkembangkan pertbaharaan kata kanak-kanak.

Pemerolehan bahasa ibunda dapat berlaku melalui aktiviti kolaboratif atau bekerjasama antara rakan sebaya dan juga dengan guru dan penyelidik dalam sesuatu perbualan. Melalui aktiviti ini, kanak-kanak secara tidak langsung dapat menghayati rumus-rumus tatabahasa yang terdapat dalam bahasa ibunda mereka. Ini dapat dibuktikan melalui analisis penyelidik berdasarkan pencirian terhadap peringkat perkembangan ayat-ayat seperti yang dikemukakan oleh Asmah Haji Omar (1985). Melalui perbualan ini juga, mereka dapat mempelajari cara-cara untuk memilih tutur kata dan gerak pertuturan yang sesuai dengan khalayak, tujuan, dan konteks perbualan.

Bukti-bukti daripada kajian ini juga menunjukkan bahawa aktiviti-aktiviti secara kolaboratif atau bekerjasama dalam interaksi bahasa antara kanak-kanak dengan penjaga dapat menyediakan konteks yang paling sesuai untuk pembelajaran bahasa. Melalui aktiviti tersebut, seseorang kanak-kanak dapat menghayati unsur bahasa dan rumus tatabahasa yang terdapat dalam bahasa ibundanya. Di samping itu, kanak-kanak juga dapat menguasai unsur-unsur bahasa dalam masyarakat dan budaya bahasa tersebut. Tegasnya, kanak-kanak juga dapat mempelajari cara untuk memilih tutur kata serta pertuturan yang sesuai dengan khalayak, tajuk, dan konteks perbualannya.

Seterusnya, kajian ini menjelaskan bahawa ketika kanak-kanak berumur satu tahun enam bulan, ujaran-ujaran kanak-kanak pada umumnya berpusat pada diri sendiri, iaitu ada kaitan antara belajar tentang realiti dengan belajar tentang bahasa. Apabila kanak-kanak berumur dua tahun, kanak-kanak tersebut telah mula menguasai sistem bahasa pelbagai fungsi orang dewasa. Nada pertuturan kanak-kanak juga membawa erti. Misalnya, jika nada itu rendah membawa maksud mengatakan pengalaman dan sebaliknya jika nada itu tinggi membawa maksud meminta.

KESIMPULAN

Pemerhatian dan peniruan kanak-kanak terhadap penggunaan bahasa oleh model di sekeliling membolehkan mereka menggunakan bahasa dengan

kosa kata dan ayat yang betul mengikut situasi dan konteks. Kosa kata abstrak dan ayat majmuk diperoleh pada peringkat usia yang lebih tinggi. Sehubungan dengan itu, ibu bapa berperanan untuk memastikan bahawa penggunaan bahasa di rumah atau penggunaan bahasa dalam alat-alat media yang menjadi bahan tontonan anak-anak pada peringkat ini sentiasa diperhatikan dan dikawal. Ini penting untuk memastikan kanak-kanak menguasai bahasa pertamanya secara berkesan dan betul dari segi kosa katanya. Pada peringkat ini, kanak-kanak akan mendengar dan memberikan perhatian secara tidak langsung terhadap penggunaan bahasa untuk memperoleh kefahaman.

Dalam aspek morfologi, kanak-kanak sudah mula mendapat banyak perbendaharaan kata yang ada hubungan dengan latar belakang dan persekitaran kanak-kanak tersebut. Banyak atau sedikitnya perbendaharaan kata bergantung pada kekerapan interaksi yang berlaku antara kanak-kanak tersebut dengan orang dewasa.

Dalam aspek sintaksis pula, kanak-kanak sudah dapat mengujarkan ayat-ayat mudah yang berupa ayat-ayat selapis, iaitu ayat yang mengandungi satu subjek dan satu predikat. Walau bagaimanapun, kanak-kanak ini masih lagi terikat dengan ujaran ayat-ayat penyata. Ayat penyata lebih banyak daripada jenis-jenis ayat yang lain. Kanak-kanak ini juga sudah dapat mengujarkan ayat-ayat yang beraneka ragam dalam gabungan kata nama, kata kerja, kata ganti nama, dan kata adjektif. Selain itu, kanak-kanak ini juga sudah dapat mengujarkan kata nafi dan beberapa unsur tatabahasa yang lain.

Peranan ibu amat penting untuk menambah kosa kata. Proses interaksi antara ibu dengan anak lebih merupakan satu proses yang lumrah, ibu menuturkan kata-kata kepada anaknya. Jika kanak-kanak itu kerap bertanya, ibu mestilah menjelaskannya dengan sebutan yang betul di samping memanjangkan lagi penerangan tersebut. Lazimnya, kanak-kanak sangat gemar mendengar ibunya bertutur. Ini membuktikan bahawa kanak-kanak itu belajar bahasa ibunda atau bahasa pertama melalui pelbagai cara, terutamanya dalam proses mengamati, seterusnya mengajuk bunyi-bunyi tersebut.

Pada keseluruhan, hasil kajian ini hanya dapat menggambarkan ciri-ciri umum pertumbuhan dan perkembangan bahasa kanak-kanak Melayu daripada memberikan gambaran tentang pola-pola pertumbuhan imbuhan dan jenis kata dalam bahasa kanak-kanak yang dikaji.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan, 1980. *Linguistik Am untuk Guru Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Abdullah Hassan, 1983. *Linguistik Am untuk Guru Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Abdullah Hassan dan Hasnah Hj. Ibrahim, 1987. *Kesalahan Bahasa dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rashid Ali, "Penguasaan Bahasa Kanak-kanak:Satu Pemerhatian Kes Awal" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 34:10, hlm. 942–955, 1992.
- Abdullah Yusuf dan Che Rabiah Mohammad, "Teori Pemelajaran Sosial dan Pemerolehan Bahasa Pertama" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 36:6, hlm. 456–464, 1995.
- Asmah Haji Omar, 1976. *Kepelbagaiannya Fonologi Dialek-dialek Melayu*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1981. "Bahasa dan Pendidikan Kanak-kanak" dlm. *Di Sekitar Persoalan Bahasa Melayu 1957–1972*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, "Bentuk Bahasa Kanak-kanak Melayu" dlm. *Dewan Bahasa* 26:9, hlm. 681–695, 1985.
- Asmah Haji Omar, 1986. *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atan Long, 1970. *Satu Penyiasatan Perbendaharaan Kata Asas Kanak-kanak Melayu di dalam Darjah Satu*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atan Long, 1971. *Satu Penyiasatan Perbendaharaan Kata Asas Kanak-Kanak Melayu*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bellugi, U dan Brown, R., 1975. *The Acquisition of Language*. Chicago:The University of Chicago Press.
- Chomsky, C., 1969. *The Acquisition of Syntax in Children from 5 to 10*. Massachusetts:The M.I.T. Press.
- Chomsky, Noam, "A Review of B.F. Skinner's Verbal Behaviour" dlm. *Language* 35, hlm. 26–58, 1959.
- Chomsky, Noam, 1981. "On Cognitive Structures and Their Development:A Reply to Piaget", dlm. *Language and Learning: the Debate between Jean Piaget and Noam Chomsky*, Piattelli Palmarini (ed.). London:Routledge & Kegan Paul.
- Foss, D.J. dan Hakes, D.T., 1978. *Psycholinguistics – An Introduction to the Psychology of Language*. New Jersey:Prentice-Hall Inc.
- Hornstein and Lightfoot, 1975. *Learning How to Mean:Explorations in the Development of Language*. London:Edward Arnold.
- Harimurthi Kridalaksana, 1983. *Kamus Linguistik*. Jakarta:PT Gramedia.
- Juriah Long, 1983. *Pemerolehan Imbuhan pada Peringkat Prasekolah dan*

PEMEROLEHAN MORFOLOGI DAN SINTAKSIS DALAM KALANGAN KANAK-KANAK MELAYU

- Implikasinya terhadap Pendidikan Bahasa.* Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krashen, S.D. dan Terrel, T.D., 1983. *The Natural Approach:Language in the Classroom*, New York:Prentice-Hall.
- Kamarudin Haji Husin, 1986. *Satu Penyiasatan Perbendaharaan Kata Asas Kanak-Kanak Melayu di dalam Darjah Satu.* Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Limber, M. M., 1973. *Language and the Child.* Slough:National Foundation for Educational Research.
- Mangantar Simanjuntak, 1987. *Pengantar Psikolinguistik Moden.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Piaget, J., 1952. *The Origin of Intelligence in the Child.* New York:International Universiti Press.
- Shatz, S., 1982. *Psycholinguistics:A Book of Reading.* Indiana University:Holt Rinechart and Winston.
- Sinclair, H., "Language Acquisition and Cognitive Development" dlm. *Cognitive Development and the Acquisition of Language*, T.E. Moore (ed.). London: Academic Press, hlm. 9–25, 1973.
- Steinberg, 1995. *Learning about Language:An Introduction to Psycholinguistics.* London & New York:Longman.
- Zulkifley Hamid, 1994. *Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.